

Tingkatkan kesedaran mengenai manfaat kesihatan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid / Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 September. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Jerudong Park Gleneagles (Gleneagles JPMC) dan HSN Fitness, hari ini, mengadakan Acara FITNESS4U, Bandarku Ceria di bawah Program Happy Environment and Lifestyle bertempat di kawasan Dermaga Diraja, di sini.

Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik diadakan seperti senamrobik, Tabata Impak Rendah, Bootcamp manakala bagi kanak-kanak pula ialah Permainan Ice-Skating, Sukan Tempur dan Cabutan Bertuah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizar bin Pengiran Haji Mahmud.

Acara FITNESS4U ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai manfaat kesihatan yang diperolehi dengan melakukan kegiatan fizikal dan gaya hidup seharian.

Selain itu, ia adalah untuk mendukung dan mengenal pasti penglibatan komuniti setempat, warga sekolah, peniaga persendirian, pusat-pusat kesihatan dan pihak yang berkepentingan dalam bidang sukan dan rekreasi untuk sama-sama mempromosikan aktiviti-aktiviti kegiatan fizikal yang boleh diterapkan sesuai dengan budaya kita.

Dengan adanya aktiviti ini, Kementerian kesihatan berharap agar orang awam akan dapat membantu pihak PPK dan pihak berkepentingan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti obesiti, penyakit jantung dan kanser.